

03/08/2000

Pesona karya penulis muda

Jamudin Idris

TAHUN 1990-an dikenali dengan zaman kemunculan ramainya penulis muda. Mereka mengemukakan pembaharuan dan membawa pelbagai kejutan. Mereka menerokai pelbagai persoalan kehidupan masyarakat semasa, persoalan pertembungan tradisi dengan modenisasi, cerita fantasi serta isu semasa. Kehadiran mereka bagaikan tukang yang mendirikan rumah berbeza bentuk dan coraknya dengan kreativiti tersendiri.

Mereka berusaha mengangkat sesuatu peristiwa di sekeliling dengan cara berseni. Mereka menyelit ekspresi yang menyentuh perasaan diringi nilai estetika yang terkawal unsur falsafahnya yang sebelum ini jarang ditemui dalam cerpen dan novel Melayu.

Pemikiran lebih pelbagai dan tajam ditampilkan dengan yakin dan segar bukan sekadar melaporkan tetapi menyanggahkan pemikiran yang terpercik daripada imaginasi dan kreativiti sendiri. Ini sesuatu yang positif dan perlu digalakkan di kalangan penulis muda.

Itulah antara kesimpulan melalui diskusi empat novel karya empat penulis muda yang lahir dari Minggu Penulis Remaja (MPR). Karya mereka diperkatakan empat tokoh akademik di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Sabtu lalu. Diskusi itu anjuran Kelab Alumni MPR-DBP.

Dr Abdul Rahman Hanafiah ketika memperkatakan novel Jukstaposisi karya Hizairi Othman sebagai berkata, novel itu menyumbang pembaharuan daripada kelainan berkarya dalam tradisi penulisan novel selama ini.

Novel ini menghadirkan dunia filem untuk menyaksikan perjalanan dan takdir bangsa Melayu. Dijerat dengan tuntutan komersilisme dan seni, novel ini cuba menandai layar mengenai kemusafiran bangsa Melayu. Melalui dunia perfileman itu, Hizairi membangkitkan ilusi kekuasaan dan hegemoni terhadap bangsa Melayu. Keseluruhan bab tujuh, Katarsis 11, adalah monolog mengenai bangsa Melayu, seakan perkembangan dari Malay Dilemma karya Mahathir Mohamed.

Abdul Rahman berkata, sebagai penelaah pascamoden, teks ini mencerminkan falsafah teks pascamoden, permainan bebas imaginasi pengarang, persilangan gaya diri penulisnya yang kuat.

Mohd Izani Mohd Zain ketika memperkatakan Cinta Hari-hari Rusuhan karya Faisal Tehrani berkata, novel itu sarat dengan idealisme politik kampus dan tampak berjaya dengan dialog yang dipilih.

Meskipun inti perjuangan mahasiswa yang ingin diketengahkan menerusi novel itu ialah Demonstrasi Baling 1974, sebenarnya timbul beberapa polemik mengenai gerakan pelajar yang wajar direnung dan dimuhasabah.

Katanya, politik kampus memuncak kerana pada dekad 60-an dan 70-an, gerakan pelajar menonjol terutama timbulnya fenomena angry-young-man. Gerakan pelajar ketika itu yang marah-marah, berjuang secara radikal, bersikap anti-establishment dan tidak puas hati kepada kerajaan yang sedia ada.

Mohd Izani berkata, dengan lahirnya novel itu, sekurang-kurangnya prasangka terhadap apa yang dinamakan politik kampus dan gerakan pelajar boleh dikurangkan. Perlu diingat, politik kampus dekad 60-an dan 70-an melahirkan ramai pemimpin berkarisme.

Mohd Zariat Mohd Zain ketika memperkatakan Romeo dan Juliet (Rosie Haslinda Nasir) berkata, tidak ada perubahan besar dan ketara dari segi cerita dalam novel berbanding lakonan televisyen. Penulis novel masih mengekalkan tema serupa iaitu percaturan politik perniagaan di antara Maltrec dan Unicorn sebagai landasan yang dapat memperkembangkan struktur

penceritaan novel itu.

Dalam mengadaptasi novel itu, penulis bertindak melanjutkan imajinasinya terhadap beberapa adegan dalam genre asal. Teknik yang sama turut digunakan penulis ketika menggambarkan situasi di lokasi penggambaran.

Penulis banyak memilih dan menyusun atur peristiwa yang diambil daripada lakon televisyen dan menyelaraskan jalinan peristiwa itu tanpa melakukan perubahan besar yang dilakukan terhadap dialog, bahkan dialognya hampir sama seperti diucapkan pelakon TV.

H MTuah Iskandar ketika memperkatakan Kristal Dunia Aroza (Rosman Nordin), menegaskan penceritaannya amat bergantung kepada keperwiraan hero atau watak utama yang dianggap serba hebat, bijak, serba bijak dan tidak mampu dikalahkan walaupun dikelilingi seribu musuh.

Watak utama dan sampingan dalam novel ini saling kuat menguatkan. Biasa bagi seorang hero dibantu teman sealiran untuk mengalahkan musuh. Agak malang, keperwiraan watak utama bergantung kepada pedangnya dengan beberapa ungkapan yang `mengancam' keimanan.

(END)